



Jumaat, 4 Mac 2016
UNTUK SIARAN SEGERA

**KENYATAAN MEDIA
OLEH YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**Liow: Waris Penumpang dan Anak Kapal MH370 dinasihatkan
untuk mengemukakan tuntutan sebelum 8 Mac**

Sememangnya tempoh dua puluh empat bulan yang telah berlalu ini merupakan waktu yang amat sukar dan perit bagi ahli keluarga penumpang dan anak kapal pesawat MH370.

Menghampiri ulangtahun kedua tragedi ini yang bakal menjelang tidak lama lagi, saya telah dimaklumkan oleh Malaysia Airlines System Berhad (MAS) bahawa kurang daripada 60 tuntutan pampasan yang telah diselesaikan daripada keseluruhan 227 penumpang dan 12 anak kapal pesawat tersebut, manakala sehingga kini, sejumlah 169 keluarga telah pun memulakan proses akhir tuntutan pampasan.

Bagi waris penumpang MH370, Artikel 35 Konvensyen Penyatuan Peraturan Tertentu untuk Pengangkutan Udara Antarabangsa (Konvensyen Montreal) 1999 (*1999 Convention for the Unification of Certain Rules for International Carriage by Air (Montreal Convention)*), hak untuk menuntut ganti rugi terhadap MAS akan luput sekiranya tindakan

tidak diambil dalam tempoh dua tahun dari tarikh di mana pesawat itu sepatutnya tiba di Beijing, iaitu pada 8 Mac 2014.

Oleh yang demikian, seperti yang dinyatakan oleh pihak MAS sebelum ini, tempoh had luput di bawah Konvensyen Montreal akan berakhir pada 8 Mac 2016. Hak menuntut ganti rugi ini adalah disediakan kepada ahli keluarga dan waris-waris penumpang MH370 seperti yang termaktub di bawah Konvensyen Montreal.

Oleh itu, saya memohon kepada semua ahli keluarga dan juga waris terdekat penumpang MH370 tanpa mengira kewarganegaraan untuk mengemukakan tuntutan mereka di bawah Konvensyen Montreal terhadap MAS sebelum 8 Mac 2016.

Kerajaan Malaysia sentiasa prihatin terhadap ahli keluarga dan waris penumpang dan anak kapal MH370 dan mereka wajar diberikan hak mereka sebagaimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang antarabangsa dan negara yang berkaitan.

[TAMAT]